

Pengetahuan Umum

MASYUMI PERTUBUHAN SIASAH YANG KUAT DI INDONESIA

Ringkasan makalah Tuan Muhamad Ali Atmudiriwiyo

(Khas bagi Qalam)

Pertubuhan siasah Islam yang kuat sekali di Indonesia hari ini ialah pertubuhan siasah Islam yang dikenal dengan nama "Masyumi" iaitu ringkasan daripada nama "Majlis Syura Muslimin Indonesia" yang telah menduduki empat buah kerusi yang mustahak di dalam Jemaah Menteri Mohammad Natsir yang mentadbirkan pemerintahan di Indonesia hari ini.

Masyumi ini bertubuh pada 8 November 1945 di Jogjakarta iaitu hampir-hampir tiga bulan sesudah isytihar kemerdekaan Indonesia pada 17 Ogos 1945 dahulu.

Pertubuhan ini hidup di dalam Kongres (Persidangan Agong) yang dihadiri oleh semua pertubuhan-pertubuhan dan pertadbiran-pertadbiran Islam di Indonesia. Bertubuhnya Masyumi ini bolehlah diambil sebagai ganti pertubuhan Majlis Islam Al-A'la Indonesia yang dikenal dengan nama ringkasnya "MAIA".

Di dalam perjuangan kemerdekaan Indonesia yang telah berjaya itu maka Masyumi adalah mengambil bahagian yang besar sungguhpun keadaan orang-orang cerdik pandai di dalam Masyumi itu tidak banyak seperti di dalam pertubuhan Parti Nasional Indonesia (PNI) iaitu pertubuhan yang kedua besarnya di seluruh Indonesia. Dengan adanya Tuan Mohammad Natsir sebagai Perdana Menteri Indonesia yang ada sekarang maka adalah sangat-sangat diharap cita-cita atau tujuan-tujuan Masyumi di dalam anggaran dasarnya yang tersebut di dalam Fasal Yang Kedua akan dapat dilaksanakan mereka dengan perlahan-perlahan – iaitu atas cita-cita rakyat Islam Indonesia supaya pemerintahan negara

ini didasarkan kepada undang-undang Islam. Ada pun anggaran dasar Masyumi yang tersebut ialah :-

- A. Menegakkan kedaulatan negara Republik Indonesia dan agama Islam.
- B. Melaksanakan cita-cita Islam dalam pemerintahan negara Bagi melaksanakan semua tujuan-tujuan yang tersebut maka pihak pertubuhan ini lebih dahulu mencari persatuan yang kuat di antara umat Islam Indonesia dengan meletakkan di bawah sebuah pertubuhan atau persatuan yang kuat pula perdiriannya.

Dengan sebab-sebab itu maka pihak pentadbir Masyumi telah menentukan bentuk pertadbiran dan siasah perjuangan mereka masa ini sebagai berikut :-

1. Organization (susunan) parti ke bawah adalah diatur mengikut pertadbiran pemerintahan ke daerah-daerahnya.
2. Berjenis-jenis usaha yang diterbitkan menurut mustahak pertahanan negara iaitu ketenteraan (Hizbulah dan Sabilullah), pemuda (gabungan pemuda Islam Indonesia), iktisad (SDEE-STEE) dan wanita – muslimat.
3. Kerana pertahanan negeri (Hizbulah dan Sabilullah) hendaklah dikerah dengan sebanyak-banyaknya.
4. Di dalam medan siasah dalam negeri diusahakan adanya sebuah pemerintahan yang kuat, yang dapat sokongan daripada rakyat di dalam dan di luar parlimen.

Ada pun dasar siasah luarnya dasar damai (seperti pemerintah) dan mau mengadakan perundingan dengan Belanda atas dasar yang sama dan berdaulat.

Dengan pertadbiran-pertadbiran yang telah diatur dan disusun oleh Masyumi maka dapatlah diketahui dan telah terbukti bahawa umat Islam Indonesia dengan pimpinannya telah dapat menjadi tulang punggung kekuatan negara terutamanya di dalam pertahanan negara dan di dalam medan siasah. Bukti yang didapati daripada usaha Masyumi banyak benar. Di dalam langkahan tentera Belanda yang pertama pihak Belanda tak dapat mematahkan perjuangan rakyat Indonesia yang di dalamnya tidak sedikit perjuangan umat Islam yang terletak di bawah pimpinan Masyumi. Demikian juga di dalam langgaran Belanda yang kedua – Belanda hanya dapat menghapuskan susunan Masyumi di dalam undang-undang tetapi kekuatannya yang nyata adalah berjalan dengan kuatnya di dalam perjuang-perjuangan Gorila melawan Belanda dengan berani dan membawa kesan-kesan yang memayahkan kepada Belanda.

Dengan sebab perjuang-perjuangannya yang sebegini hebat melawan Belanda msa itu adalah menunjukkan suatu kekuatan yang besar yang telah dicurahkan Masyumi kepada perjuangan itu.


Yang demikian ini terbukti ialah orang-orang yang dicari-cari oleh

Belanda ialah orang-orang Masyumi dan dengan kerana itu maka korban orang-orang Islam adalah banyak pula kerananya.

Dengan tamatnya perjuangan-perjuangan mereka itu dan dengan terserah Indonesia ke tangan orang-orang Indonesia sendiri maka Masyumi dihidupkan semula dan mereka menyusun pula hal ehwal perjuangan mereka dan susunan diatur dan dilaksanakan mereka di dalam Kongres pada 15-18 Disember 1949 yang diadakan di Jogjakarta juga dengan dihadiri oleh seluruh cabang dari serata Indonesia. Di dalam persidangan inilah diputuskan bahawa ibu pejabat mereka di Jogjakarta itu dipindahkan ke Jakarta dan sekarang bertempat di nombor 60 Keramat.

Di dalam Kongres ini beberapa rancangan-rancangan yang besar telah diputuskan di antaranya perkara-perkara yang mengenai hal ehwal rakyat yang patut menerima sokongan-sokongan kerajaan dengan mengadakan bank-bank edaran untuk membantu kebangkitan yang sangat mustahak bagi mereka.

Tuan Mohammad Natsir di dalam masa pemerintahan Republik



Perjumpaan bagi pelatih pimpinan-pemimpin tingkatan pertama yang telah diadakan pada 30 Jun yang lalu. Yang bertanda 4 di dalam gambar

ini ialah penulis bagi rencana ini Tuan Muhamad Ali. Perjumpaan ini dihadiri oleh wakil-wakil 60 daerah

Kabukatian di seluruh Indonesia. Pelajaran-pelajaran yang diberinya ialah bagi melatih belia-belia itu menjadi pimpinan

Masyumi di belakang hari bagi mengantika tempat pimpinan-pimpinan yang ada jika mereka bersara.

Indonesia Syarikat dahulu telah menolak tawaran-tawaran supaya ia memegang sesuatu jawatan di dalam pemerintahan negeri sebab ia, hendak menumpukan perhatiannya semata-mata bagi mentadbir dan memajukan Masyumi supaya tersusun dengan kuatnya. Hampir-hampir setahun lamanya ia berkerja dengan bersungguh-sungguh membentuk semula Masyumi supaya lebih teratur dan kuat serta berpengaruh maka akhirnya ia telah dipilih untuk memegang jawatan Perdana Menteri di dalam negara persatuan yang ada sekarang.

Apabila keadaan-keadaan yang kusut berlaku dalam masa pemerintahan Republik di bawah Amir Syarafuddin di Jogja dahulu dengan akhirnya terjadi pula peristiwa Madiun maka Dr Mohammad Hatta (dari Parti Nasional Indonesia) telah memegang jawatan Perdana Menteri disokong dengan kuat oleh Masyumi yang pada masa sebelum itu tidak mengendahkan sangat perihal dan kedudukan siasah negeri. Kejadian itu menjadikan Masyumi melihat betapa mustahaknya pertadbiran-pentadbiran siasah itu dan daripada masa itulah mereka menyusun semula barisan untuk memegang tampuk siasah negeri.

Bagi pihak – orang-orang Masyumi sendiri sekarang cukup mengetahui bahawa sekalipun badan siasah mereka cukup kuat dan mempunyai penyokong-penyokong daripada rakyat jelata yang kuat dan banyak dan sedia berkorban dengan apa yang ada untuk Masyumi tetapi mereka menyedari bahawa kekurangan mereka ialah orang-orang cerdik pandai dan terpelajar yang boleh memimpin rakyat kepada cita-cita mereka. Yang demikian ini terasa sangat kepada mereka iaitu apabila berdiri pemerintahan “RIS” Republik Indonesia Syarikat di dalam mana banyak orang-orang terpelajar mereka yang dihantar ke luar negeri yang menjadikan suatu kelemahan kepada mereka mentadbir kedudukan mereka.

Dengan sebab inilah bahagian-bahagian orang-orang Masyumi yang mengambil bahagian dalam pekajaran-pelajaran seperti Muhammadiyah dan lain-lainnya sekarang menumpukan perhatian membentuk kaum-kaum terpelajar mereka yang berjiwa sebesar-besanya dengan jiwa Islam yang tidak akan undur menghadapi sesuatu yang bakal menimpa kedudukan mereka.



Ini suatu gambar lagi menunjukkan suatu perjumpaan Hari Raya yang baharu lalu bagi ahli-ahli Sekretariat Dewan

Pimpinan Parti Masyumi yang diadakan di Jakarta. Nombor 3 dari kiri Tuan Isa Ansari Ketua Masyumi Wilayah

Jawa Barat, 4 Tuan Mohammad Natsir Ketua Dewan Pimpinan, 5 Prawutu Manggus Mitu anggota Dewan Pimpinan Parti.

Kiyai Haji Bagus Hadikusuma Yang Dipertua Muhammadiyah telah pernah berkata bahawa rakyat Islam Indonesia ada cukup mempunyai semangat dan ada cukup mempunyai perasaan untuk berkorban bagi mendirikan agama dan bagi menyampaikan cita-cita supaya negara Islam Indonesia pemerintahannya berdasar dengan dasar Islam tetapi yang kurang bagi mereka ialah penganjur yang memimpin kepada cita-cita itu. Dalam masa hidup Almarhum Tuan Haji Amar Said Tjokro Aminoto - katanya - umat Islam telah cukup bersatu tetapi sesungguhnya sangat disayangi oleh kerana Almarhum itu tidak berani menanggungjawab supaya mengadakan perlawanan dengan Belanda masa itu yang kesannya kepada orang-orang Islam yang tidak berpuas hati atas kelemahan Almarhum itu lalu mencari jalan lain dan hiduplah suatu golongan yang dikenal dengan nama "Islam Mubrah" yang kemudiannya mengadakan bangkitan bersama-sama Komunis Indonesia pada tahun 1924 yang tidak berjaya itu. Yang banyak menjadi korban dalam perjuangan Komunis ini bukannya orang lain tetapi orang-orang Islam.

Kemudian terbit masa bangkit Republik Indonesia Presiden Sukarno sungguhpun ia seorang Islam tetapi ia bukannya sebagai Muhamad Ali Jinnah yang mendirikan Pakistan kerana ia hanya jiwanya sebagai seseorang

ahli kebangsaan. Orang-orang Islam Indonesia mengetahui hal ini, mengetahui yang mereka belum ada penganjur. Ketua-ketua Islam telah pernah menawarkan kepada Almarhum Jeneral Sudirman bahawa adakah ia redha menjadi Mustafa Kamal bagi Indonesia tetapi ia sendiri tidak sanggup sebab itulah sekalipun jiwa mereka hidup bersemangat dan subur tetapi pada pendapatnya pemimpin Islam yang berani berterang-terang membawa faham Islam ke tengah itu belum ada dan itulah sebabnya di dalam tiap-tiap berlaku sesuatu kejadian maka orang-orang Islam yang tidak mempunyai penganjur yang keadaannya seperti Ali Janah ini menjadi korban. Di Madiun juga mereka menjadi korban dan di dalam pertadbiran juga mereka menjadi korban sehingga pertadbiran-pertadbiran negeri yang dahulunya dipegang dengan aman oleh orang-orang agama yang hanya berkelulusan surau itu kerana tidak ada kelulusan terpaksa diganti oleh pentadbir-pentadbir yang terdiri daripada mereka-mereka yang berkelulusan.

Kekurangan orang-orang cerdik pandai ini adalah menjadi suatu masalah yang difikirkan dengan luas oleh Masyumi supaya di belakang kelak banyak belia-belia mereka yang berkelayakan yang boleh memandu kedudukan negara Indonesia sebagai sebuah negara Islam.

(sambungan muka 18)

Gambar ini menunjukkan sebahagian daripada anggota-anggota pimpinan Masyumi cabang Pasu. Di merata-merata tempat di seluruh Indonesia Masyumi mempunyai cabang-cabangnya bagi mentadbir kemahanan-kemahanan untuk menyampaikan cita-cita supaya pada suatu masa pemerintahan di Indonesia berdasar kepada pemerintahan Islam.

